



**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN HAL EHWAL MUALAF
NEGERI PERLIS**

**BAHAGIAN DAKWAH,
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS
(JAIPs)**

1. TUJUAN

Garis Panduan ini adalah bertujuan memberi panduan kepada pemohon, pegawai dan kakitangan JAIPs, Badan Bukan Kerajaan serta orang awam yang akan menguruskan pengislaman dan pendaftaran masuk Islam di Negeri Perlis.

2. RUJUKAN

Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006

3. SINGKATAN

JAIPs: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis

JPN: Jabatan Pendaftaran Negara

MAIPs: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis

PERKIM: Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia

DWH: Bahagian Dakwah

4. PENERANGAN SEBELUM MEMELUK ISLAM

4.1 PENGENALAN MASUK ISLAM

- i. Apa itu Islam
- ii. Pengertian dua kalimah shahadah
- iii. Rukun Islam
- iv. Rukun Iman
- v. Rukun Ehsan
- vi. Kesan pengislaman dan tanggungjawab terhadap keluarga asal
- vii. Larangan dan perkara-perkara yang diharamkan oleh Islam

4.2. Pemilihan Nama Islam

- i. Boleh mengekalkan nama asal selagi memberi makna yang baik
- ii. Nama yang tidak berunsurkan nama ketuhanan

4.3. Saksi Pengislaman

- i. Sekurang-kurangnya seorang saksi yang beragama Islam berumur 18 tahun ke atas
- ii. Tanggungjawab saksi memberi bimbingan agama dan sokongan moral

4.4. Pegawai Pengislaman / Orang yang Mengislamkan

- i. Beragama Islam
- ii. Berumur 18 tahun dan ke atas
- iii. Sempurna akal
- iv. Hendaklah memastikan pemohon yakin untuk masuk Islam sekurang-kurangnya 3 kali pengakuan

- v. Melafazkan dua kalimah syahadah dalam bahasa arab dan beserta terjemahan dengan dilafazkan oleh pemohon dan faham maksud dua kalimah syahadah tersebut
- vi. Lafaz syahadah dilafazkan dengan kerelaan hati pemohon tanpa paksaan
- vii. Doa selepas syahadah

4.5 Tanggungjawab Muallaf

- i. Membuat pendaftaran masuk Islam selepas melafazkan syahadah kepada Pendaftar Muallaf
- ii. Menguruskan kemasukan status agama dalam kad pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- iii. Menjaga hubungan baik dengan keluarga asal (bukan Islam) dari segi kebajikan menurut syarak
- iv. Menghadiri kelas pengajian asas fardhu ain:
 - Kelas Pengajian di PERKIM Perlis (masa & hari)
 - Kelas muallaf di Masjid Tuanku Syed Faizuddin (Sabtu)

4.6. Hal-hal Lain

- i. Isu-isu perkahwinan dan perceraian (Syariah / Sivil)
- ii. Sekiranya pemohon telah berkahwinan (Perkahwinan Sivil) tempoh 3 bulan untuk memujuk pasangan.
- iii. Jika pasangan enggan, pihak-pihak perlu membubarkan perkahwinan mereka di tempat pendaftaran perkahwinan dibuat
- iv. Tidak boleh melakukan persetubuhan dalam tempoh tersebut

5. PENGURUSAN PENDAFTARAN MASUK ISLAM

- 5.1 Pemohon hendaklah hadir di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis bersama-sama dua orang saksi.
- 5.2 Mengisi **Borang A** atau **C** beserta dokumen berikut:
 - (a) Kad Pengenalan atau passport (bukan warganegara)
 - (b) Empat (4) keping gambar berukuran passport
 - (c) Dua (2) orang saksi warganegara
- 5.3 Bagi pemohon yang belum mencapai umur 18 tahun, hendaklah hadir di hadapan Pendaftar bersama ibu dan bapa atau penjaganya (Seksyen 117 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006) dan mengisi Borang D atau F.
- 5.4. Sekiranya Pendaftar berpuas hati dengan keterangan pemohon, pendaftar boleh mendaftarkan pengislaman dalam rekod Daftar Muallaf.
- 5.5 Perakuan Masuk Islam akan dikeluarkan kepada pemohon.

6. KEBAJIKAN MUALAF

6.1. SAGUHATI PENDAFTARAN MASUK ISLAM

- i) Mengisi borang permohonan saguhati pendaftaran masuk Islam
- ii) Salinan kad pengenalan
- iii) Salinan pengesahan akaun bank
- iv) Bagi pemohon bukan warganegara dan menggunakan akaun bank antarabangsa akan dikenakan caj perkhidmatan bank dan akan ditanggung oleh pemohon
- v) Saguhati masuk Islam akan diberikan RM 500 dan bayaran kedua berjumlah RM 2500 akan dikeluarkan selepas 3 bulan dari tarikh pengislaman pemohon.

6.2. KELAS PENGAJIAN

- i) Diadakan di PERKIM
Alamat: No. 43, Lorong Seluring, Jalan Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis
- ii) Jadual kelas adalah seperti berikut:

TAHAP ASAS

HARI/MASA	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT 9:00 - 10:00 PAGI
2:30-3:30 PTG	BACAAN SOLAT	IQRA'/AL- QURAN	IQRA'/AL- QURAN	ASAS FARDU AIN	SIRAH/ AKHLAK
3:30-4:30 PTG	AMALI SOLAT	IQRA'/AL- QURAN	IQRA'/AL- QURAN	AQIDAH	BAHASA MELAYU

TAHAP PERTENGAHAN

HARI/MASA	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT 9:00 - 10:00 PAGI
2:30-3:30 PTG	BACAAN SOLAT	IQRA'/AL- QURAN	IQRA'/AL- QURAN	AQIDAH	SIRAH/ AKHLAK
3:30-4:30 PTG	FARDU AIN	IQRA'/AL- QURAN	IQRA'/AL- QURAN	FIQH	BAHASA MELAYU

TAHAP LANJUTAN

HARI/MASA	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT 9:00 -10:00 PAGI
-----------	-------	--------	------	--------	-------------------------------

2:30-3:30 PTG	AQIDAH	TADABBUR AD-DHUHA- AN-NAS	TARANUM	SIRAH	PENGAJIAN UMUM
3:30- 4:30 PTG	FIQH	HAFAZAN AD-DHUHA- AN-NAS	TARANUM	AKHLAK	BAHASA ARAB 1

- iii) Kelas di Masjid Tuanku Syed Putra Jamalullail, Kangar, Perlis
kelas setiap hari Sabtu pada 8:00 pagi sehingga 12:00 tengahari
- iv) Elaun kelas pengajian akan diberikan mengikut hari kehadiran

6.3. PENEMPATAN SEMENTARA

- i) Bagi mualaf (wanita) yang tidak mempunyai tempat tinggal, penempatan sementara akan di buat di Darul Muslimin dan Rumah Lavender
- ii) Bagi mualaf (lelaki) penempatan sementara di Masjid Alwi

6.4. PENGURUSAN JENAZAH

Jenazah mualaf akan diuruskan sepenuhnya oleh JAIPs. Pengurusan Jenazah dikategorikan seperti berikut:

1. Jenazah Mualaf Berdaftar
 - i) Pengesahan maklumat jenazah
 - ii) Membuat laporan polis
 - iii) Menyemak dan mendapatkan status pengislaman
 - iv) Mengeluarkan surat tuntutan jenazah
 - v) Menguruskan jenazah secara Islam
 - vi) Menguruskan daftar kematian dan rekod
2. Jenazah Mualaf Tidak Berdaftar
 - i) Menyemak dan mendapatkan pengesahan status pengislaman
 - ii) Mengeluarkan surat pengesahan tiada rekod pengislaman
 - iii) Membuat laporan polis
 - iv) Membuat pemakluman kepada hospital untuk menguruskan pengisytiharan status agama
 - v) Memfailkan permohonan dan mendapatkan perintah pengisytiharan status agama
 - vi) Tindakan akan dibuat berdasarkan perintah mahkamah
3. Jenazah Mualaf Bukan Warganegara

- i) Menyemak dan mendapatkan status pendaftaran pengislaman
- ii) Membuat laporan polis
- iii) Memaklumkan kematian kepada pihak kedutaan berkaitan
- iv) Mendapatkan kebenaran tuntutan jenazah

7. TANGGUNGJAWAB

7.1 Pegawai dan Kakitangan JAIPs

- i. Hendaklah mematuhi undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan.
- ii. Hendaklah menyemak dan meneliti dokumen yang dikemukakan memenuhi senarai semak yang ditetapkan.
- iii. Memastikan kehadiran pemohon dan saksi-saksi di hadapan pendaftar mualaf semasa urusan pendaftaran masuk Islam.
- iv. Hendaklah memastikan segala transaksi pembayaran saguhati pendaftaran masuk Islam menggunakan akaun bank pemohon sahaja.
- v. Bagi pemohon bukan warganegara yang tidak mempunyai akaun bank dalam negara, pembayaran boleh diuruskan dengan tuntutan melalui AP96(a) dengan kelulusan Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis.

7.2 Pemohon

- i. Hendaklah hadir sendiri bagi tujuan permohonan pendaftaran masuk Islam.
- ii. Menyediakan dua orang saksi bagi permohonan pendaftaran masuk Islam.

7.3 Saksi-saksi

- i. Memberi bimbingan dan sokongan moral kepada pemohon untuk menjalani kehidupan sebagai muslim.
- ii. Sebagai perantara kepada JAIPs dan mualaf.

8. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini adalah terpakai dan berkuat kuasa mulai

2025

(MAIZURA BINTI SHAMSUDDIN)

Pengarah,

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis

Tarikh :